

## Pendokumentasian dan Pemaparan Awal: Analisis Kajian Lapangan di Kelantan Utara

A Documentation and Presentation of Preliminary Results: Analysis of Field Research in North Kelantan

NUR SYAHMINA SUPIAN, HARISHON RADZI, JUNAINI KASDAN & SITI NORAINI HAMZAH

### *ABSTRAK*

*Kajian mengenai sesuatu dialek perlu dilakukan berdasarkan prinsip linguistik itu sendiri iaitu kajian yang dilakukan mestilah bersifat sistematis dan objektif. Apabila prinsip linguistik dalam pelaksanaan dialek dititikberatkan, maka terhasillah sebuah kajian yang berilmiah dan saintifik. Sejajar dengan kemajuan teknologi semasa, kajian dialek ini dilihat semakin berkembang dengan adanya pembaharuan dalam pelaksanaan kajian. Pengkaji bahasa mula memanfaatkan teknologi moden sedia ada bagi menghasilkan sebuah dapatan kajian yang lebih menarik. Misalnya, kajian dialek yang memanfaatkan perisian Geographical Information System (GIS) dalam menghasilkan sebuah peta dialek yang lebih autentik. Jika sebelum ini, pengkaji dialek hanya melukis peta secara lakaran tangan yang mana penghasilan peta tersebut disifatkan impresionistik dan tidak holistik. Oleh itu, inovasi dalam kajian dialek seperti pengaplikasian Geographical Information System (GIS) ini bukan sahaja melibatkan pendekatan interdisiplin geografi dan linguistik tetapi juga menjadi penyelesaian bagi kelompongan-kelompongan kajian dialek tradisional. Dalam makalah ini, pengkaji memfokuskan kajian penyebaran dialek di Kelantan Utara dengan menyentuh bahagian utama dalam pengumpulan data bagi memberikan gambaran bagaimana sebuah kajian yang sistematis dan objektif itu dilakukan. Pengumpulan data telah dilakukan secara kajian lapangan di tujuh buah daerah Kelantan Utara dengan melibatkan responden yang terdiri daripada golongan remaja, dewasa dan warga tua. Data yang telah dikumpulkan telah ditranskrip dan akan dianalisis menggunakan perisian Geographical Information System (GIS) bagi menghasilkan sebuah peta isoglos dan koroplet bagi melihat penyebaran dialek Melayu di Kelantan Utara. Pemaparan awal data bagi varian leksikal yang telah diperoleh sepanjang kajian lapangan dilakukan, turut dipaparkan dalam makalah sebelum analisis lanjutan dengan menggunakan Geographical Information System (GIS) dilakukan. Tambahan pula, pendokumentasian mengenai kaedah kajian lapangan pendekatan geolinguistik ini akan menghasilkan sebuah kajian yang berinovasi dengan memanfaatkan kemajuan teknologi semasa.*

*Kata kunci:* Dialek; geolinguistik; pemaparan awal; kajian lapangan; GIS

### *ABSTRACT*

*The study of a dialect must be done based on the linguistic principle itself, namely, it must be systematic and objective. A scholarly and scientific study is produced as the implementation of dialect in the linguistic principles are emphasized. In line with the current technological advances, the study of dialect is seen to be evolved in alliance with the new implementation in the study. Language researchers began to take advantage of existing modern technology to produce more interesting research findings. For example, the use of Geographical Information System (GIS) software in dialect studies are able to generate an authentic dialect map. Previously, dialect researchers drew maps by hand sketching which the production of the map was described as impressionistic. Therefore, innovations in dialect studies such as the application of Geographical Information System (GIS) not only involve the multidisciplinary studies, but also become a solution for the shortcomings of traditional dialect studies. In this paper, the researcher focuses on the study of the dissemination of dialects in North Kelantan by touching on the main part of data collection to give an overview of how a systematic and objective study is done. Data collection has been carried out through field research in seven districts of North Kelantan involving respondents from three different age categories. The data collected has been transcribed and will be analyzed using Geographical Information System (GIS) software to produce an isogloss and choropleth map to see the dissemination of Malay dialects in North Kelantan. The initial display of data for lexical variants that have been obtained throughout the field research is also displayed in the paper before further analysis using Geographical Information System (GIS) is performed. Furthermore, the documentation of the field research method of geolinguistics approach will produce an innovative study by taking advantage of current technological advances.*

*Keywords:* Dialect; geolinguistics; preliminary result; field research; GIS

## PENGENALAN

Bahasa merupakan sebuah alat perhubungan atau komunikasi dalam sesuatu kelompok manusia untuk melahirkan perasaan dan fikiran. Menurut Teo Kok Seong (2019), bahasa boleh ditakrifkan sebagai apa-apa yang dituturkan oleh penutur sesebuah masyarakat itu. Perkara ini secara tidak langsung turut menggambarkan bahawa bahasa bukan sahaja mempunyai peranan penting dalam kehidupan, tetapi bahasa juga menjadi cerminan mahupun identiti sesebuah masyarakat. Berdasarkan peranan dan keunikan bahasa itu sendiri, terdapat banyak kajian yang telah dipelopori pengkaji bahasa bagi melihat ruang lingkup bahasa yang meluas ini dalam pelbagai aspek yang mencakupi ilmu teras linguistik dan ilmu aplikasi linguistik. Namun begitu, bagi menghasilkan sebuah kajian bahasa yang saintifik, kajian yang berilmiah, iaitu bersistematis, empiris dan kritis (Mahsun, M.S. 2005 dalam Harishon Radzi 2015) perlu dilakukan. Apabila sesebuah kajian bahasa itu telah mencapai mana-mana kriteria tersebut, maka perkara ini akan membolehkan kajian sesuatu bahasa itu mencapai tahap yang saintifik dan objektif.

Dasawarsa kini, kemajuan dalam bidang bahasa yang turut merangkumi kajian dialek dilihat semakin berkembang dan pelbagai inovasi telah diterapkan dalam kajian-kajian tersebut. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), Junaini Kasdan et al. (2019), Ahmad Khairul Ashraaf Saari et al. (2019), Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2021) dan pengkaji lain yang dilihat turut memanfaatkan pendekatan geolinguistik ini. Penghasilan peta dialek dalam kajian-kajian mereka ini dilihat telah menambah baik kajian dialek yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas yang menggunakan kaedah tradisional, iaitu penghasilan peta dialek secara lakaran tangan. Peta yang dihasilkan oleh mereka bersifat impresionistik dan dianggap tidak holistik kerana peta tersebut boleh diragui kesahihannya serta penandaan isoglos sesuatu dialek itu kurang tepat. Oleh itu, permasalahan kajian dialek sedemikian telah ditambah baik dan diinovasikan dengan mengaplikasikan teknologi moden seperti *Geographical Information System* (GIS) dalam menghasilkan sebuah peta isoglos yang lebih tepat. Kajian dialek yang berasaskan teknologi ini turut menerapkan kajian bersifat multidisiplin, iaitu gabungan bidang linguistik dan geografi atau lebih

dikenali sebagai geolinguistik.

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2018), geolinguistik merupakan kajian multidisiplin yang menggabungkan linguistik (dialek), geografi dan teknologi. Tambahan lagi, kajian sedemikian turut menggabungkan maklumat linguistik seperti leksikal serta bunyi dan dalam pada masa yang sama turut mengetengahkan maklumat bukan linguistik seperti ruang (*spatial*), sejarah, migrasi dan persempadanan (Nor Hashimah Jalaluddin et al. 2017). Hal ini sejajar dengan takrifan geolinguistik yang diketengahkan oleh Asmah Haji Omar (2019), yang menyatakan geolinguistik bukan sahaja merujuk kepada peta di mana terletaknya kawasan penyebaran bahasa atau dialek berkenaan, tetapi juga mengambil kira faktor-faktor sosial dan kemanusiaan yang mempengaruhi fenomena bahasa mahupun dialek itu sendiri. Justeru itu, kajian disiplin bahasa yang menggabungkan disiplin ilmu yang berbeza dalam sesuatu kajian dialek ini dilihat sebagai satu inovasi baru di samping mengaplikasikan alat teknologi semasa bagi menghasilkan sebuah kajian yang lebih sistematis dan menarik.

Makalah ini membincangkan mengenai pendokumentasian kaedah kajian lapangan yang digunakan untuk mendapatkan data dialek Melayu di Kelantan Utara, dan seterusnya pemaparan awal bagi data-data varian leksikal yang telah diperoleh daripada kajian lapangan. Kajian ini turut mengintegrasikan pendekatan geolinguistik, iaitu kajian yang bersifat multidisiplin sebagai usaha dalam membuat pembaharuan kajian dialek khususnya dialek Melayu di Kelantan Utara. Sehubungan dengan itu, pengaplikasian *Geographical Information System* (GIS) yang menuntut kepada inovasi dalam kajian ini turut dimanfaatkan dalam proses penganalisisan data sekali gus dapat menghasilkan sebuah peta isoglos dan koroplet baharu bagi penyebaran dialek Melayu di Kelantan Utara dengan lebih tepat dan jelas.

## DIALEK MELAYU DI KELANTAN UTARA

Dialek merupakan satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial yang berbeza daripada bahasa standard, loghat, pelat daerah (Kamus Dewan 2010). Menurut Siti Noraini Hamzah dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), dialek merupakan kelainan bahasa yang secara lazim digunakan dan ditentukan oleh

kawasan geografi atau keadaan sosial. Jadi, dialek juga dilihat merujuk kepada variasi bahasa atau kelainan-kelainan bahasa yang merupakan bahasa substandard.

Dialek Melayu Kelantan merupakan dialek lisan yang biasa digunakan oleh masyarakat di negeri Kelantan. Menurut Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun (2019), masyarakat Kelantan dikatakan mempunyai dialek yang unik jika dibandingkan dengan dialek negeri-negeri lain kerana penggunaan leksikal serta bunyi yang berbeza dengan bahasa standard. Perkara ini boleh dibuktikan melalui buku yang bertajuk ‘Susur Galur Bahasa Melayu’ oleh Asmah Haji Omar (2015), yang menyatakan selain dialek Kelantan, terdapat juga dialek Melayu Patani di sebelah utara, dialek Melayu Pahang di sebelah selatan, dialek Melayu Terengganu di sebelah tenggara dan dialek Melayu Perak di sebelah barat. Penyebaran dialek-dialek lain ke kawasan Kelantan telah dipengaruhi oleh faktor persempadanan serta faktor-faktor bukan linguistik yang lain. Menurut Asmah Haji Omar (2015) lagi, walaupun terdapat ciri-ciri pengaruh atau percampuran daripada dialek luar, tetapi dialek Kelantan ini memperlihatkan keseragaman yang agak tinggi, khususnya dari segi fonologi.

### PERMASALAHAN KAJIAN

Dialek Melayu Kelantan merupakan salah sebuah dialek yang mencerminkan jati diri yang utuh dalam kalangan penuturnya tanpa melihat faktor umur, bangsa maupun agama. Perkara ini telah menunjukkan keunikan dialek ini, dan seterusnya telah menarik minat para pengkaji bahasa untuk mengkaji dan mendalaminya dialek tersebut. Walaupun kajian mengenai dialek ini juga telah banyak diketengahkan dan dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji bahasa, tetapi masih terdapat kelompongan yang perlu dititikberatkan dalam memberi sumbangan baru dalam kajian dialek khususnya dialek Melayu Kelantan. Dalam konteks ini, pengkaji melihat kajian dialek geografi mengenai dialek ini hanya memfokuskan kepada sesebuah kawasan jajahan atau daerah sahaja. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Ajid Che Kob (1985), yang membincangkan aspek bunyi dan leksikal di kawasan Pasir Mas sahaja. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1985, 2015) yang memfokuskan kepada kajian dialek Melayu Kelantan, tetapi skop perbincangannya bersifat umum dan hanya

mengetengahkan perbincangan mengenai subdialek Kota Bharu. Oleh itu, pengkaji melihat perkara ini sebagai kelompongan dalam kajian yang perlu ditambah baik dengan memfokuskan kepada beberapa daerah lain selain Pasir Mas dan Kota Bharu. Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada tujuh buah daerah di Kelantan Utara, iaitu Pasir Mas, Kota Bharu, Tumpat, Machang, Bachok, Pasir Putih dan Tanah Merah.

Selain itu, kajian-kajian yang bersifat teoritis seperti kajian yang dilakukan oleh Adi Yasran (2011, 2012) dan Zurina Abdullah dan Ajid Che Kob (2019) yang membincangkan aspek fonologi dialek Kelantan menggunakan Teori Optimaliti. Kajian mereka lebih tertumpu kepada penguraian dialek Melayu Kelantan dengan pendekatan teori, iaitu penerangan yang tertumpu kepada aspek linguistik semata-mata. Kepelbagaiannya dialek yang berlaku tidak bergantung kepada aspek linguistik sahaja, tetapi aspek bukan linguistik juga perlu dititiberatkan. Sehubungan dengan itu, bagi menambah baik kajian yang bersifat teoritis ini, pengkaji mengambil pendekatan baharu, iaitu pendekatan multidisiplin untuk mengetengahkan perbincangan mengenai aspek bukan linguistik, seperti aspek geografi, sejarah, migrasi, sosial dan seumpamanya yang menuntut kepada fenomena dialek Melayu Kelantan yang berlaku.

Kajian lepas telah menjadi panduan kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian ini sekali gus menuntut kepada pengkaji untuk mengisi kelompongan-kelompongan yang ada dalam kajian-kajian lepas. Sehubungan dengan itu, makalah ini akan membincangkan dan memaparkan tatacara pendokumentasian data dan kajian lapangan sekali gus memaparkan laporan awal bagi hasil kajian lapangan yang telah diolah di Kelantan Utara.

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian yang melibatkan dialek Melayu Kelantan sebenarnya telah banyak dilakukan malah penelitian mengenai dialek tersebut telah lama dibincangkan oleh pengkaji dahulu. Kajian yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1985, 2015) telah membincangkan mengenai dialek Melayu Kelantan dengan menghuraikan aspek fonologi bagi subdialek Kota Bharu. Menurut beliau, dialek Kelantan ini menunjukkan keseragaman yang tinggi walaupun terdapat pengaruh dialek luar seperti dialek Patani, dialek Pahang, dialek Terengganu dan dialek Perak. Namun begitu, kajian yang dilakukan oleh Asmah

Haji Omar (1985, 2015) ini dilihat sebagai satu kajian yang bersifat umum dan menyeluruh. Tetapi intipati dan perbincangan kajian yang diketengahkan sangat penting untuk dijadikan panduan dalam usaha pengkaji menghasilkan sebuah kajian yang berilmiah.

Seterusnya, kajian dialek geografi dilihat mula berkembang dengan memfokuskan kepada sesebuah kawasan kajian sahaja. Kajian dialek geografi di Kelantan ini telah mula dilakukan oleh Ajid Che Kob (1985) yang memfokuskan kajian di kawasan Pasir Mas. Beliau telah melakukan penelitian berkenaan aspek fonologi dan morfologi dialek Kelantan di kawasan tersebut. Selain perbincangan mengenai aspek linguistik teras, beliau turut membuat lakaran peta bagi menandakan kawasan isoglos dialek Kelantan di Pasir Mas. Walau bagaimanapun, pengkaji melihat kaedah tradisional, iaitu teknik lakaran peta menggunakan tangan adalah bersifat tidak holistik kerana penandaan yang dilakukan adalah kurang tepat dan tidak jelas. Peta yang bersifat impresionistik ini dilihat perlu ditambah baik dengan menggunakan aplikasi *Geographical Information System* (GIS) selaras dengan kemajuan teknologi semasa. Melalui usaha ini, pengkaji dapat membina sebuah peta isoglos dan koroplet baru bagi penyebaran dialek Melayu di Kelantan khususnya di kawasan utara dengan lebih tepat dan jelas.

Selain itu, kajian dialek Melayu Kelantan ini turut menarik minat para pengkaji bahasa untuk melihat keunikan dan kelainan dialek ini menerusi perspektif ilmu linguistik secara teoritis. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Adi Yasran (2011, 2012) dan Zurina Abdullah dan Ajid Che Kob (2019), yang membincangkan aspek fonologi dialek Kelantan menggunakan Teori Optimaliti (TO), iaitu teori terkini dalam bidang tersebut. Seperti kajian Adi Yasran (2011), telah memberikan penjelasan terhadap interaksikekangan bagi suku kata dasar dialek Kelantan berdasarkan Teori Optimaliti (TO) dan hasil kajian tersebut mendapat terdapat satu set hierarki kekangan dalam nahu dialek Kelantan yang menjadi dasar suku katanya yang berbeza dengan set hierarki kekangan suku kata dasar bahasa Melayu. Kajian lanjutan mengenai dialek ini turut dilakukan oleh Adi Yasran (2012), yang menjelaskan aspek fonotaktik dialek Kelantan yang melibatkan posisi koda suku kata. Kajian yang mengentengahkan Teori Optimaliti ini juga turut dilakukan oleh Zurina Abdullah dan Ajid Che Kob (2019), yang membincangkan tentang

perilaku fonologi terhadap perubahan bunyi urutan vokal konsonan serta urutan vokal konsonan geseran pada posisi akhir kata dalam dialek Kelantan. Kajian yang bersifat teoritis ini menunjukkan kekuatan tersendiri tetapi pengkaji melihat kajian yang menerapkan kajian bersifat multidisiplin sebagai fokus yang baru dalam mengetengahkan keunikan dialek Melayu Kelantan khususnya di kawasan Kelantan Utara.

Meniti arus pemodenan kini, kajian dialek geografi dilihat semakin berkembang dengan penerapan pelbagai inovasi dalam kajian ini. Misalnya kajian geolinguistik yang memanfaatkan bantuan alat teknologi seperti *Geographical Information System* (GIS). Kajian-kajian sedemikian sebenarnya telah banyak dilakukan meliputi kajian di luar negara maupun di dalam negara. Di Malaysia, kajian yang dilakukan oleh Siti Noraini Hamzah et al. (2017) yang telah menyentuh tentang penyebaran dialek Melayu Perak bagi keseluruhan daerah di negeri Perak. Beliau telah menjana peta bagi penyebaran leksikal yang dikaji, iaitu ‘air’, ‘bantal’ dan ‘saya’ dengan menggunakan perisian *Geographical Information System* (GIS). Penemuan dialek-dialek lain yang wujud di negeri Perak turut ditemui oleh beliau sama seperti kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2018). Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Harishon Radzi (2017), yang turut meneliti varian leksikal dialek Melayu di Perak dengan menggunakan pendekatan geolinguistik. Kajian geolinguistik ini tidak terhenti di Perak sahaja, tetapi kajian rintis dalam bidang ini dilihat telah memfokuskan dialek-dialek di negeri-negeri lain khususnya dialek di Semanjung Malaysia. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Junaini Kasdan et al. (2019) di Pulau Pinang, Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2019) di Kedah, Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2021) di Terengganu dan pengkaji-pengkaji lain yang memfokuskan kajian geolinguistik di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Tambahan itu juga, pengkaji-pengkaji lepas turut menggunakan kaedah kajian lapangan sebagai kaedah utama dalam mengumpulkan data yang mana turut memberi panduan kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian lapangan dengan lebih bersistematik. Namun begitu, berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji mendapat masih belum terdapat sebarang catatan maupun kajian geolinguistik yang menyentuh negeri Kelantan oleh mana-mana pengkaji. Sehubungan dengan itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini merupakan kajian rintis bagi melihat

penyebaran dialek Melayu di Kelantan Utara yang menunjukkan kesinambungan dengan kajian-kajian geolinguistik yang lain.

## OBJEKTIF KAJIAN

Makalah ini bertujuan untuk:

1. Menghuraikan tatacara pendokumentasian data dan kerja lapangan di Kelantan Utara.
2. Memaparkan laporan awal bagi hasil kajian lapangan yang telah diolah di Kelantan Utara.

## PEMAPARAN TATACARA PENDOKUMENTASIAN DATA DAN KAJIAN LAPANGAN

Kaedah kajian lapangan merupakan kaedah utama dan sangat penting dalam mendapatkan data bagi kajian geolinguistik. Secara umumnya, kajian lapangan merupakan satu proses pengumpulan data yang perlu dijalankan bagi mendapatkan data di kawasan yang dikaji. Menurut Idris Aman dan Mohammed Azlan Mis (2016), kajian yang menggunakan kaedah ini adalah yang paling popular kerana penggunaannya yang menyeluruh. Hal ini demikian kerana pelbagai jenis skop soalan, isu dan masalah dalam pelbagai perspektif dapat dipilih untuk dijadikan bahasa kajian seperti aspek siap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan sebagainya (Samarin 1993 dalam Idris Aman dan Mohammed Azlan Mis 2016). Kaedah kajian lapangan ini juga akan melibatkan pengkaji itu sendiri berserta responden dan enumerator dalam memerhatikan fenomena-fenomena yang berlaku terhadap bahasa yang dituturkan oleh pengguna

dialek (Harishon Radzi et al. 2015). Justeru itu, kaedah kajian lapangan ini membantu pengkaji untuk menguatkan lagi fakta kajian lapangan serta mengelakkan berlakunya keciciran maklumat dan data daripada responden-responden kajian di samping mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian.

Kajian berkaitan geolinguistik di negeri Kelantan khususnya di Kelantan Utara telah melalui beberapa proses metodologi yang sistematik dengan melibatkan pengumpulan data primer dan data sekunder. Data primer dalam kajian ini merujuk kepada data yang diperoleh melalui kajian lapangan manakala data sekunder merujuk kepada data yang diperoleh menerusi kaedah kepustakaan. Menurut Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016), kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang pengkaji untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod sedia ada. Kaedah ini turut berfungsi bagi memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian pengkaji. Selain sumber daripada bahan-bahan bercetak, bahan elektronik, iaitu sumber-sumber yang dapat diakses melalui capaian internet adalah penting kerana sumber sedemikian boleh dijadikan maklumat dan pengetahuan tambahan sebagai bahan input untuk memperkuuhkan dapatan kajian.

Bagi proses pengumpulan data dalam kajian ini, pengkaji telah membahagikan kepada dua tahap, iaitu tahap dalaman dan tahap luaran. Setiap satu tahap tersebut menunjukkan beberapa proses dan tindakan yang mengambil masa serta kecekapan pengurusan yang sistematis dan terancang. Berikut merupakan pemaparan yang menjelaskan kedua-dua tahap tersebut:

JADUAL 1. Pemaparan tahap dalaman dan tahap luaran proses pengumpulan data

| Tahap   | Tindakan   |
|---------|--|
| Dalaman | <p>1. Kajian Kepustakaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan bahan bacaan daripada bahan-bahan bacaan seperti buku, artikel, prosiding dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan fokus penyelidikan yang bakal dilakukan.</li> <li>• Maklumat-maklumat tersebut amat diperlukan bagi memberi gambaran permulaan dan hala tuju kajian.</li> <li>• Bahan tambahan daripada internet turut dimanfaatkan bagi memperluaskan lagi fahaman mengenai dialek Melayu di Kelantan khususnya di Kelantan Utara.</li> </ul> <p>2. Enumerator</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan enumerator perlu dilakukan berlandaskan ciri-ciri yang diperlukan seperti berpengetahuan dalam bidang geolinguistik dan mempunyai kemahiran mentranskrip data fonetik.</li> <li>• Seramai 20 orang enumerator telah dipilih bagi melaksanakan operasi kajian lapangan di tujuh buah daerah Kelantan Utara.</li> </ul> |

- Kesemua enumerator yang dipilih merupakan pelajar dalam jurusan linguistik dan mempunyai kemahiran untuk mentranskrip data dialek Melayu Kelantan menggunakan simbol fonetik berdasarkan carta International Phonetic Alphabet (IPA).
- Kelayakan mereka sebagai enumerator juga adalah kerana perwatakan dan kemahiran berkomunikasi mereka yang sangat baik.
- Kesemua enumerator dibahagiakan kepada lima buah kumpulan kecil (empat orang setiap kumpulan) untuk tujuan memudahkan pergerakan.
- Ketua kumpulan yang berkelayakan dan berpengalaman dalam kajian lapangan dipilih untuk mengetui setiap kumpulan.

### 3. Bengkel

- Pelaksanaan bengkel membina soal selidik yang mencakupi sebanyak 28 buah leksikal (hanya melibatkan kumpulan pengkaji).
- Pelaksanaan bengkel penentuan titik kampung yang mewakili daerah Tanah Merah, Machang, Bachok, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tumpat dan Kota Bharu (hanya melibatkan kumpulan pengkaji).
- Pelaksanaan bengkel fonetik dan cara mentranskripsi data dengan betul bersama enumerator.
- Pelaksanaan bengkel pendedahan mengenai cara memasukkan data ke dalam Microsoft Excel bersama enumerator.
- Pelaksanaan bengkel pemurnian data soal selidik dan rakaman bersama enumerator.
- Bengkel pendedahan mengenai GIS bersama enumerator.

### 4. Perancangan Pelaksanaan Kajian Lapangan

- Setiap daerah kajian lapangan mempunyai perancangan pelaksanaan yang tersendiri.
- Perancangan ini diperlukan agar perjalanan dan proses keseluruhan kajian lapangan dapat dilaksanakan dengan lancar di semua kawasan kajian.
- Jarak yang jauh bagi sesuatu kawasan kajian lapangan hanya dikawal oleh beberapa orang enumerator sahaja.
- Maklumat yang diperlukan sepanjang proses kajian lapangan dilakukan ialah nama, alamat dan nombor telefon serta maklumat enumerator.
- Tempat kajian lapangan yang sebenar dan masa turut dinyatakan.
- Membantu ketua dan enumerator patuh dengan maklumat yang diberikan agar tidak menimbulkan kekeliruan dengan informan dan responden.
- Mewujudkan keseragaman dari segi cara memperoleh data, jumlah responden, lokasi kajian dan penyeliaan oleh kumpulan kajian.

### 5. Tentatif

- Maklumat mengenai perjalanan dan aktiviti keseluruhan setiap daerah kajian lapangan.
- Laporan pergerakan mengutip data melalui rangkaian WhatsApp atau panggilan telefon oleh setiap ketua kumpulan sebelum, semasa dan selepas tamat sesi kajian lapangan.
- Pemakluman sebarang kesulitan dan kekangan yang berlaku semasa proses kajian lapangan di kawasan yang telah ditetapkan.
- Pemakluman aktiviti di luar jangkaan seperti perhimpunan, majlis sambutan dan seumpamanya.

### 6. Penerapan Data

- Data yang telah diperoleh akan diterapkan ke dalam Microsoft Excel dan perisian ArcMap 10.3.1.

### 1. Tugas Asas Enumerator

- Mengenal pasti secara tepat sasaran responden (penutur natif dialek Melayu di Kelantan Utara).
- Menjelaskan tujuan kajian lapangan dan mendapatkan maklumat responden sesuai dengan kehendak kajian lapangan.
- Mendapatkan persetujuan bersama dari segi prosedur pelaksanaan kajian lapangan agar tidak berlaku percanggahan jumlah responden, sasaran responden, tempoh masa dan bayaran sagu hati.

|        |  |
|--------|--|
|        | <p>2. Pengangkutan dan Penginapan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemudahan kenderaan kepada setiap kumpulan enumerator dan pengkaji kerana setiap kumpulan mempunyai lokasi khusus dan perlu berada di daerah yang berbeza berdasarkan titik kampung yang telah ditetapkan (10 titik kampung bagi setiap tujuh daerah).</li> <li>• Penginapan di inap desa yang selesa, selamat dan berpatut serta lokasinya berhampiran dengan kawasan kajian lapangan.</li> <li>• Merupakan cara yang menjamin pergerakan setiap kumpulan ke lokasi kajian lapangan secara serentak dan perbincangan atau taklimat dapat dilakukan sebelum pergerakan ke lokasi kajian.</li> <li>• Perbincangan dan pembimbingan enumerator dalam mentranskripsi data menggunakan simbol fonetik.</li> </ul> |
| Luaran |  |

Seterusnya, bagi mendapatkan data sebenar bagi sesuatu dialek, pengkaji perlu ke lapangan bagi proses pemerolehan data. Jadual 2. menunjukkan proses yang terlibat semasa kajian lapangan dilaksanakan.

JADUAL 2. Proses pemerolehan data kajian

| Proses Kajian Lapangan | Perkara   |
|------------------------|---|
| Sebelum                | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tinjauan rintis</li> <li>ii. Responden/informan kajian</li> <li>i. Soal selidik</li> </ul>                  |
| Semasa                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Temu bual</li> <li>iii. Rakaman suara</li> <li>iv. Gambar</li> <li>i. Kemas kini data responden</li> </ul> |
| Selepas                | <ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Laporan transkripsi</li> <li>iii. Sagu hati</li> <li>iv. Sijil penyertaan</li> </ul>                       |

### i. Tinjaun Rintis

Tinjauan rintis dilakukan pada peringkat awal kajian. Tinjauan sedemikian membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat mengenai fokus kajian dengan lebih terperinci. Semasa tinjauan rintis ini dilakukan, maklumat mengenai muka bumi kawasan kajian, kesesuaian responden dan pengubahsuaian terhadap soal selidik telah dilakukan. Senarai leksikal yang terdapat dalam soal selidik pada awalnya mempunyai 40 leksikal. Tetapi selepas tinjauan rintis ini dibuat, hanya sebanyak 28 buah leksikal sahaja yang

dipilih. Pemilihan senarai leksikal ini turut dipersetujui oleh wakil penutur natif dialek Kelantan dan dilihat bersesuaian dengan batas masa dan keperluan kajian di Kelantan Utara.

### ii. Responden/Informan Kajian

Dalam kajian yang bersifat multidisiplin ini, responden atau informan kajian merupakan sumber data utama. Dalam kajian ini, responden lelaki dan perempuan telah terlibat untuk mewakili kelompok penutur dialek Melayu di Kelantan Utara dari daerah masing-masing. Bagi mendapatkan hasil data yang pelbagai, responden

telah dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu remaja, dewasa dan warga tua. Setiap kategori ini mempunyai sasaran umur yang berbeza, iaitu 15 tahun – 25 tahun bagi kategori remaja, 26 tahun – 55 tahun bagi kategori dewasa dan 56 tahun dan ke atas bagi kategori warga tua. Pembahagian kategori mengikut umur ini dilihat penting bagi melihat penggunaan bahasa dialek Melayu di Kelantan Utara sekali gus yang menuntut kepada penyebaran dialek itu sendiri di kawasan kajian.

Selain itu, pemilihan responden dalam kajian ini adalah berdasarkan pandangan Chambers dan Trudgill (1990) yang lebih dikenali sebagai *NORMs*. *NORMs* merupakan singkatan bagi *Non-Mobile*, *Old*, *Rural* dan *Males*. Menurut Mohammed Azlan

Mis (2016), *NORMs* ialah satu kaedah di mana responden yang sesuai dipilih merupakan mereka yang tidak pernah keluar dari kawasan kampung atau tempat kediaman, dan seseorang yang sudah berusia, di kawasan pedalaman, seperti di kampung atau desa, dan lelaki. Namun begitu, dalam kajian ini, pengkaji telah membuat sedikit penambahbaikan dalam pemilihan responden atau informan dengan mengambil kira jantina perempuan, golongan muda dan pertengahan yang dilihat berpotensi menjadi responden kerana mereka merupakan penutur natif dialek Melayu Kelantan dan telah menetap lama di kawasan kajian. Berikut merupakan paparan gambar yang menunjukkan tiga kategori umur responden yang telah terlibat semasa kajian lapangan di Kelantan Utara dilaksanakan.



*Sumber:* Rakaman enumerator dalam kajian lapangan Kelantan Utara berkod FRGS/1/2020/WAB10/UKM/03/1

### iii. Pemilihan Kawasan Kajian

Bagi menghasilkan sebuah kajian yang melibat penyebaran dialek Melayu di Kelantan khususnya di Kelantan Utara, sebanyak tujuh buah jajahan telah dipilih bagi melengkapkan pengumpulan data kajian. Ketujuh-tujuh jajahan tersebut meliputi jajahan Tanah Merah, Machang, Bachok, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tumpat dan Kota Bharu. Sebanyak 70 buah titik kampung telah dipilih yang setiap satu jajahan diwakili sebanyak 10 buah titik kampung. Pemilihan titik kampung adalah menerusi peta dengan berpandukan *Global Positioning System* (GPS).

### iv. Soal Selidik

Soal selidik yang menjadi fokus dalam kajian ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama dalam soal selidik ialah maklumat latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, umur, tempat lahir, keturunan keluarga, pendidikan, pekerjaan dan tempoh menetap di kampung, iaitu kawasan kajian pengkaji. Maklumat sedemikian diperlukan bagi membantu pengkaji mendapatkan data secara sahih daripada penduduk asal kampung tersebut. Pada bahagian kedua merangkumi aspek topografi kawasan kajian, iaitu pengkaji meneliti mukim kampung, pekan terdekat, bentuk muka bumi sama ada dikelilingi sungai, banjaran, bukit dan lain-lain, serta aktiviti ekonomi yang melibatkan pertanian, perladangan, penternakan dan sebaginya. Maklumat bukan linguistik ini penting kerana boleh memberi input pada penguraian dialek ini nanti. Pada bahagian ketiga, senarai leksikal yang dikategorikan kepada beberapa domain seperti tumbuhan/flora, kata panggilan kekeluargaan/sosial, kata kerja, kata adjektif, kata ganti nama dan makanan.

Sebelum sesi soal selidik ini dilakukan, enumerator akan memulakan perbualan dengan sesi berkenalan dan berbual

bersama responden mengenai latar belakang mereka berdasarkan keperluan yang terdapat dalam soal selidik. Apabila wujud keselesaan dan keterbukaan antara enumerator dan responden, enumerator akan meneruskan kepada bahagian yang memerlukan carasebutan responden bagi leksikal-leksikal yang terdapat dalam borang soal selidik. Bagi mengelakkan sebarang ajukan percakapan yang dipengaruhi oleh bahasa luar, pihak enumerator memaparkan gambar yang berkaitan serta membuat lakonan ringkas berdasarkan leksikal-leksikal tersebut. Semasa responden menyebut bunyi leksikal-leksikal yang ditanya, enumerator terus mentranskripsi bunyi tersebut dengan menggunakan lambang fonetik. Hal ini demikian kerana lambang fonetik tersebut merupakan ejaan sebenar bagi sebutan bunyi yang disebut oleh responden.

Kaedah kajian lapangan yang dilakukan ini berlaku secara tidak formal. Enumerator akan pergi ke rumah, kedai, sekolah atau kawasan yang terdapatnya sasaran responden. Perkara ini akan memberi keselesaan untuk responden memberikan jawapan seperti yang diperlukan oleh enumerator. Tambahan lagi, responden juga boleh menjawab setiap soalan yang diajukan bersama ahli keluarga atau rakan-rakan yang lain agar mereka tidak kekok untuk menggunakan dialek sehari-hari mereka. Situasi ini membolehkan enumerator untuk mendapatkan pelbagai varian bagi setiap leksikal yang ditanya.

### v. Temu Bual

Dalam proses kajian lapangan ini, kaedah temu bual turut digunakan bagi memastikan data yang dikutip oleh pengkaji adalah semula jadi. Proses temu bual adalah selaras dengan soal selidik yang dilakukan secara terbuka yang membolehkan responden untuk menceritakan perihal lain yang tidak

terkandung dalam soal selidik. Mereka boleh menceritakan mengenai adat dan budaya di kampung, sejarah penubuhan kampung, makanan tradisional dan sebaginya yang boleh menjadikan panduan kepada pengkaji untuk menambah baik serta mengukuhkan hasil dapatan kajian. Kaedah ini secara tidak langsung membuka ruang untuk responden bercerita menggunakan dialek harian mereka tanpa gangguan sebarang pengaruh bahasa luar. Hasil daripada kaedah ini juga nanti membantu pengkaji untuk membaiki dan memperkemaskan lagi data yang telah ditranskripsi dalam borang soal selidik.

#### vi. Rakaman Suara

Kaedah rakaman suara turut digunakan dalam kajian lapangan bagi memastikan segala data yang diperolehi pengkaji adalah sahih dan tepat. Kaedah ini juga memainkan peranan penting kerana segala data yang dirakam akan membantu pengkaji sewaktu proses pembersihan data. Selain itu, kaedah rakaman suara ini turut membantu pengkaji sekiranya terdapat keraguan dari segi bunyi sebutan sesuatu leksikal yang dituturkan menggunakan dialek responden.

Sepanjang pengkaji mengendalikan borang soal selidik melalui pendekatan temu bual bersama responden, segala butir perbualan dirakam dan turut dicatat bagi memudahkan proses pengumpulan data. Pengkaji akan memulakan rakaman sebaik sahaja sesi temu bual dimulakan. Namun begitu, situasi untuk merakam suara menjadi lebih berkesan sekiranya tempat berlangsungnya temu bual turut dikawal. Suasana persekitaran yang tenang dan jauh daripada sebarang gangguan bunyi bising seperti laluan kenderaan atau majlis yang melibatkan jumlah responden yang ramai perlu dikawal agar kejelasan rakaman

tersebut dalam didengar semula dengan baik dan jelas.


#### vii. Foto Pembuktian Kajian Lapangan

Sepanjang proses kajian lapangan ini dilaksanakan, apa sahaja gambar yang terakam menjadi rujukan, bukti serta mempunyai kenangan yang tersendiri. Dalam kajian ini, hasil rakaman foto membolehkan maklumat-maklumat bukan linguistik seperti bentuk muka bumi, kawasan pertanian dan perladangan, gunung-ganang, dirakam untuk dijadikan bahan bukti kajian pengkaji. Di samping itu juga, penyebaran sesuatu dialek boleh dipengaruhi oleh keadaan bentuk muka bumi kawasan kajian walaupun berada dalam negeri yang sama. Melalui rakaman foto ini juga, pengkaji dapat membangkitkan kenangan smpingan bersama responden dan informan sepanjang menjalankan kajian lapangan ini.

#### viii. Sagu hati dan Sijil Penyertaan

Kajian lapangan di Kelantan Utara yang meliputi tujuh buah daerah ini telah berjaya dilaksanakan atas usaha sama daripada pelbagai pihak. Setiap sumbangan dari segi maklumat, masa mahupun tenaga oleh setiap pihak yang terlibat, sangat bermakna dan wajar untuk dihargai. Justeru itu, selepas sesi soal selidik dan temu bual dilakukan, setiap ketua kumpulan bertanggungjawab untuk menyerahkan sedikit sagu hati kepada semua responden dan informan yang terlibat dalam proses pengumpulan data.

Seterusnya, tugas sebagai enumerator bukanlah suatu tugas yang mudah. Tetapi tugas ini turut memberi impak positif kepada enumerator yang terlibat untuk mendedahkan diri dengan dialek Melayu di Kelantan sekali gus menambah ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan kajian geolinguistik.



Sumber: Rakaman enumerator dalam kajian lapangan Kelantan Utara berkod FRGS/1/2020/  
WAB10/UKM/03/1

Tanpa adanya bantuan daripada pihak enumerator, kajian ini tidak akan berjaya dilaksanakan dengan lancar berdasarkan apa yang telah dirancang oleh pengkaji. Sagu hati turut diberikan kepada setiap enumerator bersama sijil penyertaan yang mana sijil tersebut boleh membuktikan mereka pernah terlibat dalam kajian lapangan bagi sesuatu penyelidikan. Sijil tersebut


jugalah digunakan oleh mereka pada masa akan datang terutamanya untuk memohon pekerjaan yang berkaitan. Berikut merupakan rakaman foto penyerahan sagu hati kepada responden dan informan yang terlibat dalam kajian lapangan di Kelantan Utara untuk dijadikan kenangan pada masa akan datang:



*Sumber:* Rakaman enumerator dalam kajian lapangan Kelantan Utara berkod FRGS/1/2020/WAB10/UKM/03/1

Pelaksanaan kajian lapangan telah menjadi sebahagian daripada pelengkap kepada sesuatu metodologi kajian bagi kajian dialek Melayu di Kelantan Utara. Penerapan metodologi kajian yang lain adalah berkaitan dengan pemprosesan, penganalisisan dan pemaparan data. Berdasarkan Rajah 1., pengkaji telah menghasilkan sebuah carta yang

memaparkan kronologi dan perjalanannya dalam melaksanakan metodologi tersebut. Kepelbagaiannya pengurusan pada tahap pengumpulan data, telah memperlihatkan kepentingan kajian lapangan yang perlu diteliti sebaik mungkin berdasarkan proses sebelum, semasa dan selepas sesuatu kajian dilakukan.



RAJAH 1. Kronologi dan perjalanannya dalam melaksanakan metodologi kajian

## PEMAPARAN HASIL KAJIAN LAPANGAN YANG TELAH DIOLAH

Berdasarkan penjelasan mengenai proses pengumpulan data melalui pelaksanaan kaedah kajian lapangan, kesemua data yang diperolehi pengkaji akan melalui proses pembersihan data selepas kajian lapangan selesai dilakukan. Proses

pembersihan data di sini bermaksud, pengkaji akan menyenaraikan semula kesemua varian leksikal yang telah dijumpai bagi 28 buah leksikal daripada borang soal selidik. Kemudian, pengkaji akan membetulkan dan mengemas kini ejaan fonetik yang mengalami ralat dan memasukkan kesemua data tersebut ke dalam perisian *Microsoft Excel*. Berikut merupakan contoh data yang telah dibersihkan dan dimasukkan ke dalam *Microsoft Excel*:

The screenshot shows a Microsoft Excel spreadsheet titled "DATA PASIR MAS - Excel (Product Activation Failed)". The table has columns for NAMA KAMPUNG, KOD RESPONDEN, LEKSIKAL, and seven phonetic variants (L1-L7). The data is categorized by location: KAMPUNG BAROH PIN, KAMPUNG RAHMAT, and KAMPUNG KUBANG RAMBUTAN. Each location has multiple respondents (R01-R03, WT01-WT02) and their corresponding lexical variants.

| VARIAN LEKSIKAL DAERAH (PASIR MAS) |                   |               |          |       |      |    |    |    |    |    |
|------------------------------------|-------------------|---------------|----------|-------|------|----|----|----|----|----|
|                                    |                   | KOD RESPONDEN | LEKSIKAL | L1    | L2   | L3 | L4 | L5 | L6 | L7 |
| 1                                  |                   |               | pekaŋ    | lepa  |      |    |    |    |    |    |
| 2                                  | NAMA KAMPUNG      |               | R01      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 3                                  |                   |               | R02      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 4                                  |                   |               | D01      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 5                                  |                   |               | D02      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 6                                  | KAMPUNG BAROH PIN |               | D03      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 7                                  |                   |               | D04      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 8                                  |                   |               | WT01     | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 9                                  |                   |               | WT02     | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 10                                 |                   |               | R01      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 11                                 |                   |               | R02      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 12                                 |                   |               | D01      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 13                                 | KAMPUNG RAHMAT    |               | D02      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 14                                 |                   |               | WT01     | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 15                                 |                   |               | WT02     | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 16                                 |                   |               | WT03     | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 17                                 |                   |               | R01      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 18                                 |                   |               | R02      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 19                                 |                   |               | R03      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 20                                 | KAMPUNG KUBANG    |               | D01      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 21                                 | RAMBUTAN          |               | D02      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 22                                 |                   |               | D03      | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 23                                 |                   |               | WT01     | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 24                                 |                   |               | WT02     | pekaŋ | lepa |    |    |    |    |    |
| 25                                 |                   |               |          | pekaŋ |      |    |    |    |    |    |
| 26                                 |                   |               |          |       |      |    |    |    |    |    |

RAJAH 2. Paparan data dalam *Microsoft Excel* bagi varian leksikal /bal-  
ing/ yang terdapat di daerah Pasir Mas

Setelah selesai data dibersihkan dan dimasukkan ke dalam *Microsoft Excel*, pengkaji mendapati kesemua 28 leksikal yang terdapat dalam borang soal selidik mempunyai varian leksikal yang tersendiri. Varian yang wujud ini bukan sahaja menjadi bukti penggunaan dialek Melayu di Kelantan Utara masih kukuh digunakan tetapi telah mencerminkan jati diri masyarakat dan keunikan dialek itu sendiri. Rajah 3., Rajah 4. dan Rajah 5. memaparkan varian leksikal bagi 28 buah leksikal yang merupakan hasil data yang telah diperoleh melalui kajian lapangan di tujuh buah jajahan di Kelantan Utara.

Berdasarkan ketiga-tiga rajah tersebut, pengkaji dapat mengenal pasti kerencaman varian leksikal yang mempunyai bilangan yang tertinggi dan yang terendah. Bagi leksikal yang mempunyai varian tertinggi ialah leksikal /baling/, /mereka/ dan /kasui/ manakala bagi leksikal yang mempunyai varian terendah ialah leksikal /air/, /kotor/, /manga/, /bising/ dan /kamu/. Namun begitu, perubahan

jumlah varian leksikal akan berubah selepas kesemua data ini dianalisis secara lanjutan kerana kebarangkalian terdapat leksikal yang dilihat tidak rasional penggunaannya akan dibuang.

Kesemua data yang telah dimasukkan ke dalam *Microsoft Excel* dan telah dikenal pasti kewujudan variannya, proses analisis data akan dilakukan, iaitu proses ini akan menggunakan pendekatan deskriptif geolinguistik dalam membincangkan perubahan-perubahan yang melibatkan penggunaan bagi 28 buah leksikal di kawasan kajian. Kemudian, penghasilan peta penyebaran dan peta koroplet akan dijana dengan memanfaatkan bantuan perisian *Geographical Information System* (GIS). Menurut Worboy dan Duckham (2003) dalam Ang Kean Hua (2015), *Geographical Information System* (GIS) adalah satu sistem maklumat berdasarkan komputer yang membolehkan penangkapan, pemodelan, penyimpanan, pencarian, perkongsian, manipulasi, analisis dan penyajian data geografi. Seterusnya, pengkaji akan turut menganalisis faktor linguistik

| BIL. | LEKSIKAL | VARIAN LEKSIKAL  | JUMLAH VARIAN |
|------|----------|--|---------------|
| 1.   | Durian   | [duje], [dəje], [dəyije], [duyijan], [dəyijan], [duyije], [diyije], [durijan], [duyijan], [dəyijan], [dije]  | 11            |
| 2.   | Manggis  | [sətə], [sətər], [wəh sətə], [sətə?], [manges], [mangeh], [sə?tə], [buwah sətə], [wah sətə]  | 9             |
| 3.   | Rambutan | [mə?te], [mbə?te], [rambutə], [yambute], [mə?te], [mə?tan], [yambu?te], [mu?te]  | 8             |
| 4.   | Mangga   | [pa"əh], [pawuh], [paəh], [mango] [wəh pa"əh]  | 5             |
| 5.   | Suami    | [tə? laki], [to? laki], [fə? abə], [abə], [abah], [fə?], [pə? mu], [ajəh mu], [ajəh], [tə? ajəh], [abə dijə], [abəh jə], [saje], [laki], [bi], [su"ami]  | 16            |
| 6.   | Isteri   | [bini], [ɔye ruməh], [istri], [ojan], [əye tino], [saje], [mi], [ma], [ma mu], [ibu], [mə? mu], [jaŋ], [mə?], [umi], [mama], [ɔye yuməh], [tino kitə], [aŋe], [me? mu], [we]   | 20            |
| 7.   | Ibu      | [me?], [umi], [mama], [mi], [ma], [mə?], [ibu], [ma?], [fə?]   | 9             |
| 8.   | Bapa     | [ajəh], [abah], [pə?], [we], [papa], [ajəh mu], [apə?], [bapa?], [bəh], [fə?], [abah], [pə? mu], [pa], [babə], [abi]   | 15            |
| 9.   | Baling   | [lepa], [təhə?], [buwan], [təhu?], [fəpə?], [pekoŋ], [təhu?], [pəlekoŋ], [təho?], [pətəŋ], [pətə], [pəkəŋ], [yəmbah], [petəŋ], [puŋā], [puŋga], [hunga], [fəpe?], [təho?], [buwe], [baleŋ] [yedah], [lempa], [tekəŋ], [peko] | 25            |
| 10.  | Kupas    | [kəjə?], [kupah], [səjə?], [kope?], [bukə?], [fəkəh]   | 6             |

RAJAH 3. Senarai varian leksikal bagi /durian/, /maggis/, /rambutan/, /mangga/, /suami/, /isteri/, /ibu/, /bapa/, /baling/, dan /kupas/

| BIL. | LEKSIKAL | VARIAN LEKSIKAL  | JUMLAH VARIAN |
|------|----------|--|---------------|
| 11.  | Cubit    | [kute], [kute], [kutij], [fəbe?], [pulah], [fəube?], [kuti], [fəpə?], [fəki?], [kutel], [fəke?]  | 12            |
| 12.  | Pukul    | [kato?], [bəhe], [timbo?], [dā?], [puko], [te], [tapa], [təpə?], [tebə?], [nipah], [gəfəh], [gəde], [bəda], [pija?], [tipah], [po?]  | 16            |
| 13.  | Kacau    | [gəde], [kaṭa], [kuṭa], [gawə], [pusin], [gawəl], [hašu], [suya], [kɔyeh], [kaṭaw], [fəba?], [fəwah], [gəse?], [kose?]   | 14            |
| 14.  | Marah    | [maγəh], [muγəh], [gəye], [məyeh], [mətsut], [bekəŋ], [muγih], [poŋəh], [panah], [gəyo]  | 10            |
| 15.  | Cantik   | [fəme], [lawa], [fəante?], [mole?], [dəjanə?], [səda? kəleh], [mole?], [fəate?]  | 8             |
| 16.  | Kotor    | [fəma], [kətə], [kotə], [bələ?]  | 4             |
| 17.  | Bising   | [gege], [bəhse], [bisə], [bəse], [sayu]  | 5             |
| 18.  | Saya     | [sajə], [aku], [kawə], [ambə], [kitə], [ɔye], [aku"], [amo], [awə], [kemo], [diri ambo]  | 11            |
| 19.  | Kamu     | [dəmo], [mu], [awə?], [muŋ], [əŋka]  | 5             |
| 20.  | Mereka   | [se? jə], [se? dijə], [se? muŋ], [se? tu], [se? demə], [se? kitə], [se? iŋ], [se? mu], [se?-se?], [se? nu], [puwə? jə], [puwə? demə], [puwə? tu], [puwə? dijə], [puwə? mu], [pə?-pə? mu], [puwə?], [puwə? jəh], [pə? jə], [demə], [mərekə], [gen], [demə tu], [demə-demə], [ɔye bapə?], [demə sumə], [gu dijə] | 27            |


RAJAH 4. Senarai varian leksikal bagi /cubit/, /pukul/, /kacau/, /marah/, /cantik/, /kotor/, /bising/, /saya/, /kamu/, dan /mereka/

| BIL. | LEKSIKAL   | VARIAN LEKSIKAL  | JUMLAH VARIAN |
|------|------------|--|---------------|
| 21.  | Seri muka  | [səy̫i mukɔ], [səkajɔ], [pulu? kajo], [pulu? maneh], [səy̫i aju], [nasi? kajo], [səri mukɔ], [pulot səkajɔ], [pulot pande], [pulu? pagi], [pulut lape], [səy̫i kajo], [koleh kawəŋ], [kuwe kajo], [sy̫i mukɔ], [kajo pulu?]                | 16            |
| 22.  | Kasui      | [kəsɔ], [kaswi], [kəsu], [kuba gulen], [kuwe kəsu], [kəsu ja], [kata], [kasuwि], [kuwe kapo], [kole], [koleh], [kəsu bulu?], [ləmpaŋ], [kasui], [kəsu ʃawé], [kasu tale], [təpur beke], [kəsu boko], [koswi], [təlo koyε], [ləpan], [kapo] | 22            |
| 23.  | Apam balik | [apuŋ], [apəŋ], [əpəm], [apoŋ], [ape], [ape bale?], [apam], [apaŋ bale?], [apə], [təpur ape], [apoŋ bale?], [əpəm bale?], [apam bale?], [apa bale?], [ape baka]  | 15            |
| 24.  | Buah rotan | [ləŋɔ], [buwah nibun], [yote], [katʃe gətoh], [buwah yote], [səku? yote], [buwah yote], [katʃa butə], [gəle? ləŋɔ], [woh yote], [po? yote], [səku? ləŋɔ], [po? jite], [kuweh ləŋɔ], [sekɔ? ləŋɔ], [sekɔ? yote], [bepeŋ], [woh gote]        | 18            |
| 25.  | Nagasari   | [ləpa?], [ləpat], [təpur bukuh], [ləpa?], [bələba?], [təpu buŋkuh], [poli], [tupat], [təpoŋ bukuh], [dʒələbat], [pulu? daka?], [dʒəba?], [dʒəlbə?], [təpu bukuh], [təpur buŋkuh], [kuweh buŋkuh], [ləpa? bukuh], [po bukuh], [bukuh maneh] | 19            |
| 26.  | Loyang     | [saye buwe], [saye təbuwe], [kuwe ros], [saye pəyinjat], [kuwe yoh], [saye ləbah]  | 6             |
| 27.  | Kapit      | [klepə?], [kape?], [kuwe lipa?], [kuweh lape?], [kolepe?], [kuwe kapet], [səpe?], [kolepe?], [pəpə], [səku? lipat], [kuweh səpet], [lipa? gulon], [kuweh gulon], [kape? ʃino], [bepe lipa?], [tʃəpiŋ], [kolepe? lipa?]                     | 17            |
| 28.  | Air        | [ae], [æ], [aŋ]  | 3             |

RAJAH 5. Senarai varian leksikal bagi /seri muka/, /kasui/, /apam balik/, /buah rotan/, /nagasari/, /loyang/, /kapit/, dan /air/


seperti aspek fonologi dengan menerapkan rumus fonologi ringkas dan faktor bukan linguistik seperti geografi, ekonomi, pekerjaan dan seumpamanya yang menuntut kepada kewujudan penyebaran

varian leksikal dialek Melayu di Kelantan Utara. Berikut merupakan contoh bagi peta isoglos dan peta koroplet sebagai gambaran awal sebelum analisis lanjutan makalah ini dilakukan:



RAJAH 6. Peta isoglos leksikal [air] keseluruhan di Perak Utara

Sumber: Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad (2014)



RAJAH 7. Peta koroplet leksikal [daun kari]

Sumber: Nor Hashimah et al. (2017)

Maka, analisis lanjutan bagi makalah ini akan dilakukan bagi melihat penyebaran varian leksikal-leksikal pilihan pengkaji dan seterusnya penghasilan peta isoglos dan koroplet dengan berbantuan perisian *Geographical Information System* (GIS) akan dilakukan untuk memaparkan hasil analisis yang lebih menarik dan autentik.

#### KESIMPULAN

Makalah yang memaparkan pendokumentasiannya kaedah kajian lapangan ini sewajarnya dilestarikan dalam sesebuah kajian bahasa. Pelaksanaan kajian lapangan yang dilakukan secara sistematis dilihat akan membantu pengkaji mendapatkan dan mengumpulkan data dengan baik dan lancar. Kecekapan dalam pengurusan dan pengawalan sumber kajian lapangan seperti proses pelaksanaan, kewangan, enumerator, lokasi, soal selidik, responden dan informan, serta hasil transkripsi fonetik yang menepati keperluan dialek yang dikaji perlu dilakukan dengan penuh efisien agar kajian lapangan dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang. Apabila perkara-perkara tersebut dapat uruskan dengan baik, maka terhasilah kejayaan dalam sesebuah kajian yang dilakukan. Tambahan

lagi, dengan adanya perancangan prosedur dan kaedah yang sesuai dari awal lagi, sesebuah kajian itu akan dapat dipandu dengan lebih baik dan pengkaji dapat memfokuskan pelaksanaan kajian secara keseluruhan tanpa terhenti pada bahagian-bahagian tertentu sahaja. Kepekaan dan kerjasama pengkaji bersama enumerator membolehkan metodologi kajian merealisasikan sebahagian besar dari prosedur keseluruhan sesuatu kajian.

Selain itu, pemaparan awal bagi data hasil kutipan kajian lapangan turut dipaparkan dalam makalah ini menuntut kepada gambaran awal bahawa terdapatnya varian leksikal yang mencetus kepada penyebaran dialek Melayu khususnya di Kelantan Utara. Di samping itu juga, pengkaji turut menerangkan secara ringkas proses penganalisisan data, iaitu proses lanjutan bagi menjawab segala objektif serta soalan kajian mengenai penyebaran dialek Melayu di Kelantan Utara. Berdasarkan varian leksikal daripada kesemua 28 buah leksikal tersebut, pengkaji mendapati bahawa dialek Melayu di Kelantan Utara jelas menunjukkan keunikan dan keistimewaan tersendiri berbanding dialek-dialek lain di Malaysia. Walaupun, pengamatan pada kajian yang berdasarkan atlas dialek Melayu di Kelantan ini telah banyak

dipelopori oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, tetapi penilaian baru mengenai dialek di Kelantan Utara ini perlu dilakukan selaras dengan arus pemodenan semasa bagi melihat sejauh mana tahap pengekalan dan perlestarian dialek di negeri tersebut. Hasil data yang telah diperolehi pengkaji sedikit sebanyak telah membuktikan bahawa sebaran varian leksikal dialek Melayu di Kelantan Utara masih kuat digunakan oleh masyarakat setempat dan melibatkan kesemua peringkat umur.

## PENGHARGAAN

Sumber penajaan untuk penghasilan kertas kerja ini adalah menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang dibiayai oleh Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT) berkod FRGS/1/2020/WAB10/UKM/03/1.

## RUJUKAN

- Adi Yasran Abdul Aziz. 2011. Suku kata dasar dialek Kelantan berdasarkan Teori Optimaliti. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 11(2): 121-135.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2012. Analisis koda berdasarkan kekangan dalam dialek Kelantan. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 12(4): 1127-1145.
- Ahmad Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2019. Sebaran leksikal /ular/ di negeri Johor berdasarkan pengaplikasian Sistem Maklumat Geografi (GIS). *Seminar Linguistik dan Bahasa (SLiBa 2019)*, hlm. 1-14.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ang Kean Hua. 2015. Sistem Informasi Geografi (GIS): pengenalan kepada perspektif komputer. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(1): 24-31.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2015a. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2015b. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi Kedua, Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2019. *Bahasa Melayu di Daratan Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrizar Abu Bakar & Karim Harun. 2019. Kata-kata eksklusif dialek Kelantan dalam komunikasi kumpulan WhatsApp. *Akademiaka* 89(2019): 15-28.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran Jamil. 2019. Variasi leksikal dialek Melayu di negeri Kedah: kajian geolinguistik. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 16-29.
- Harishon Radzi, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Pelestarian kaerah lapangan: penerapan terhadap kajian geo dialek. *Jurnal Linguistik* 19(1): 58-77.
- Harishon Radzi. 2017. Analisis geolinguistik leksikal dialek Melayu di Perak menggunakan Sistem Maklumat Geografi. Tesis Dr. Fal, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman dan Mohammed Azlan Mis. 2016. *Variasi Bahasa*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini Kasdan, Syarif Abas, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2019. ‘Suka’ dan ‘nangis’ di Pulau Pinang: analisis geolinguistik. *Seminar Antarabangsa Susatera, Bahasa dan Budaya Nusantara*, hlm. 881-896.
- Kamus Dewan. 2010. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammed Azlan Mis. 2016. Dialek Geografi. Mohammed Azlan Mis (pnyt.). *Variasi Bahasa*, hlm. 28-38. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid. 2016. Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu* 15(2): 147-159.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. 2017. Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: analisis geolinguistik. *Journal of Language Studies* 17(4): 159-178.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Dialek Melayu di Perak: analisis geolinguistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 6(2): 69-82.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Athirah Adilah Wan Halim. 2021. Kata ganti nama dialek Melayu Terengganu: analisis geolinguistik. *Jurnal Bahasa* 12(1): 69-88.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Zaharani Ahmad. 2014. Variasi dialek Melayu di Perak Utara: analisis geolinguistik. *Jurnal Linguistik* 18(2): 30-46.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Zaharani Ahmad. 2017. Migrasi masyarakat luar dan pengaruh dialek di Perak: analisis geolinguistik. *Jurnal Bahasa* 17(1): 1-34.
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Kepelbagaiannya varian leksikal dialek di Perak: pendekatan Geographical Information System. *Akademiaka* 88(1):137-152.
- Teo Kok Seong. 2019. *Bahasa dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurina binti Abdulah & Ajid bin Che Kob. 2019. Kekangan bunyi urutan vokal konsonan dalam dialek Kelantan: Analisis Teori Optimaliti. *Journal of Social Sciences and Humanities* 16(2): 1-11.

Nur Syahmina Supian  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
43600 UKM Bangi, Selangor  
E-mel: syahmina.supian@gmail.com

Harishon Radzi  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
43600 UKM Bangi, Selangor  
E-mel: naslin@ukm.edu.my

Junaini Kasdan  
Institut Alam & Tamadun Melayu  
43600 UKM Bangi, Selangor  
E-mel: junaini@ukm.edu.my

Siti Noraini Hamzah  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
43600 UKM Bangi, Selangor  
E-mel: snoraini@ukm.edu.my